

Hujan berulang berterusan sebulan lagi

UM 30/12/06

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Fenomena hujan berulang yang boleh membawa banjir dijangka berterusan di seluruh negara sehingga akhir Januari atau selewat-lewatnya awal Februari depan.

Pengarah Pusat Perubahan Iklim Universiti Malaya, Prof. Khairul Maini Osman Salleh berkata, keadaan tersebut tidak dapat

dielak kerana sepanjang tempoh itu angin monsun timur laut yang membawa hujan akan terus bertiup.

"Hujan akan terus turun secara berperingkat-peringkat. Sama ada akan membawa hujan yang banyak atau sedikit, ia bergantung kepada sistem angin tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Khairul Maini diminta mengulas ramalan hujan lebat yang boleh mengakibatkan banjir peringkat kedua pada hujung minggu ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengarahkan semua pihak yang terlibat dalam operasi banjir di seluruh negara bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang diramalkan akan berlaku.

Khairul Maini berkata, fenomena itu bukan asing kerana negara ini berada dalam musim tengkujuh.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan supaya langkah berjaga-jaga diambil kerana

angin monsun pada tahun ini agak luar biasa dan membawa hujan yang banyak.

"Selain itu, banjir yang berlaku sebelum ini menyebabkan tanah menjadi tepu. Ini satu lagi faktor yang menyebabkan banjir mudah berlaku," katanya.

Khairul Maini menambah, berdasarkan situasi dunia hari ini, beliau tidak menolak keadaan yang sama akan berlaku pada masa akan datang.

"Malah ia dijangka lebih teruk. Pemanasan

bumi akan terus berlaku dan terus bertambah. Ini mewujudkan tenaga tinggi dalam sistem yang kemudian mempengaruhi sistem tiupan angin global," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan hari ini meramalkan hujan lebat atau kadangkala lebat dijangka terus berlaku di bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah dan Bintulu di Sarawak.

Keadaan itu dijangka berlarutan sehingga Isnin ini.

Kawasan lain yang turut terjejas akibat kejadian gangguan monsun itu ialah Kudat, Sandakan Timur, Pantai Barat dan pedalaman Sabah serta Labuan.

Johor dan Pahang Tenggara dijangka menerima hujan monsun sederhana sehingga Ahad ini.

"Gangguan monsun yang sekarang berada di perairan Sarawak masih aktif. Angin timur laut yang kencang dan laut bergelora di Laut China Selatan akan berterusan sehingga Isnin ini," kata kenyataan itu.